

Anggota bomba kongsi ilmu

Boleh diaplikasikan apabila berada di kampus atau dalam situasi kecemasan

MASTURAH SURADI

Seramai 22 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Batu Pahat memperoleh ilmu baharu melalui penyertaan dalam Program Luar Kampus Pelajar Kor Siswa Bomba 1 UTHM yang diadakan di Balai Bomba Penyelamat (BBP) Bandar Penawar di sini, baru-baru ini.

Penyelaras program yang juga pegawai latihan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Firdaus Ahmad berkata, seramai lapan tenaga pengajar terdiri daripada anggota bomba memberikan latihan sepanjang dua hari program berlangsung.

Menurutnya, antara pengisian program termasuklah melakukan aktiviti menyelamat di tempat tinggi, pengenalan tali, ikatan dan simpulan, *repelling & ascending* serta *lowering & hauling*.

"Latihan *repelling & abseiling* bertujuan untuk membina keyakinan dan keberanian dalam kalangan diri pelajar manakala latihan *lowering & hauling* pula untuk menyelamat mangsa di tebing tinggi.

"Kor siswa bomba yang

disertai pelajar ini merupakan satu subjek kokurikulum berkredit yang mana pelajar perlu menjalani kelas atau latihan selama 100 jam dalam dua semester. Selepas itu pelajar ini akan ditauliahkan dan diiktiraf sama taraf dengan pegawai bomba bantuan serta layak diberi elau," katanya.

Firdaus berkata, melalui program ini mereka diberikan pendedahan mengenai latihan dan tugas dilakukan anggota bomba sebenar sekali gus ilmu diperoleh bolehlah diaplikasikan apabila berada kampus atau dalam situasi kecemasan.

Katanya, semua pelajar turut berpeluang mendapat pengalaman baharu selama sehari dengan mengendalikan Program University Community Engagement (UCE) pelajar Kor Siswa Bomba 1 UTHM yang diadakan di Madrasah Tahfiz Al Jauhar.

"Antara aktiviti diadakan di madrasah berkenaan termasuklah pengenalan dan praktikal penggunaan alat pemadam api kepada pelajar tahfiz serta kakitangan madrasah berkenaan," katanya.



Program UCE pelajar Kor Siswa Bomba 1 UTHM yang diadakan di Madrasah Tahfiz Al Jauhar.



Latihan lowering & hauling bagi menyelamat mangsa di tebing tinggi.



Latihan repelling & abseiling dilakukan pelajar bagi membina keyakinan dan keberanian diri.



Kelas pengenalan tali, ikatan dan simpulan.



Pelajar Kor Siswa Bomba 1 UTHM bersama tenaga pengajar dan warga Madrasah Tahfiz Al Jauhar.